



The Smarter & Effective Learning Approach

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius

Program Bahasa Malaysia Sekolah Menengah
Edubest

Tahap SM5

Karangan Umum

Soalan Percubaan Negeri Lain 2022

Nama : _____

Yik 2022

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

Permainan tradisi amnya terdiri daripada permainan anjung dan permainan laman. Permainan anjung termasuklah batu seremban, congkak, dam aji dan lain-lain. Manakala, permainan laman pula seperti galah panjang, ketinting, konda kondi dan lain-lain. Hari ini, permainan tradisional kurang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat. Pelbagai kaedah perlu dilakukan bagi mempopularkan permainan ini seperti menganjurkan pertandingan permainan tradisional mahupun melalui kegiatan kokurikulum di sekolah.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada Internet

Petikan di atas menyatakan bahawa permainan tradisional perlu dipopularkan kembali.

Bincangkan.

2.

Pensyarah Kanan Sejarah Politik Malaysia Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Azmi Arifin berkata, “Kesedaran terhadap erti sebuah kemerdekaan dalam kalangan anak muda terutama remaja kini semakin dilupakan. Kira-kira 80 peratus anak muda kini dikatakan tidak lagi mempedulikan sambutan Bulan Kemerdekaan berbanding hanya 20 peratus sahaja yang masih kekal menghayati serta menanamkan semangat patriotisme dalam diri.” Justeru, pelbagai pihak perlu mengambil langkah yang drastik untuk mencari punca generasi muda kurang penghayatan semangat patriotisme dalam diri.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada

KOSMO, 30 Ogos 2022

Sebagai respons terhadap pernyataan di atas, jelaskan punca-punca generasi muda kurang penghayatan terhadap semangat tersebut.

3. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan elemen kewangan dalam mata pelajaran baharu tingkatan lima pada tahun 2021. Usaha ini sememangnya amat bertepatan dan diharapkan dapat melahirkan masyarakat yang celik wang. Pendedahan ini juga diharapkan dapat mendidik murid tentang pengurusan kewangan peribadi seharian secara berhemat seperti berbelanja, menabung dan meminjam.

Sumber : <https://bijakwang.com.my/pendidikan-kewangan-dalam-sistem-persekolahan>

Pada pendapat anda, selain kebaikan pengurusan kewangan yang dinyatakan di atas, apakah kebaikan-kebaikan lain yang diperoleh sekiranya kita bijak menguruskan kewangan?

- 4.

Jiran Tetangga

Jiran tetangga,
Bersepakat kerjasama,
Tolong menolong,
Bergotong-royong,
Bantu-membantu,
Perkara terbaru,
Persatuan berkumpulan,
Bersatu hati,
Persahabatan berhari-hari.

SOLEH KAMARULAZIZI

Berdasarkan sajak tersebut, anda dikehendaki menghuraikan langkah-langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat.

Kelantan 2022

*Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.*

1.

Aktiviti pertanian telah menyumbang kepada asas pembentukan ekonomi Malaysia terutamanya era selepas merdeka. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti pertanian ini dapat memberikan pelbagai manfaat bukan sahaja kepada negara tetapi juga kepada rakyatnya seperti memberikan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan negara, dan memenuhi keperluan bahan makanan.

Sumber : www.ipendidikan.my

Berdasarkan petikan di atas, huraiakan manfaat-manfaat aktiviti tersebut kepada rakyat dan negara.

2.

Vandalisme bukanlah perkara baharu bahkan dianggap sebagai gejala yang sukar dibendung. Vandalisme sering dikaitkan dengan aktiviti memusnahkan harta awam yang berlaku disebabkan oleh sikap masyarakat yang tidak prihatin akan perkara yang berlaku di sekeliling.

Sumber : www.utusan.com.my

Selain faktor vandalisme yang dinyatakan di atas, huraiakan faktor-faktor berlakunya gejala tersebut.

3.

Amalan menabung sangat baik, namun masih banyak golongan yang memandang sepi akan faedah menabung. Aktiviti menabung membolehkan seseorang itu merencanakan masa hadapan dengan ekonomi yang kukuh, dapat menampung perbelanjaan persekolahan atau pendidikan, dan membantu ketika dalam kecemasan.

Sumber : www.seribuombak.wordpress.com/

Berdasarkan petikan di atas, anda dikehendaki menulis sebuah rencana tentang kepentingan-kepentingan amalan tersebut.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

4.

Pada masa ini, semangat patriotik dalam kalangan generasi muda semakin luntur. Oleh itu, pelbagai pihak perlu berperanan untuk menyemai semangat cinta akan tanah air dalam kalangan anak muda.

Sumber : www.kosmo.com.my

Sebagai respons terhadap petikan di atas, jelaskan peranan-peranan tersebut.

Terengganu 2022

1.

Malaysia masih ketinggalan untuk menembusi pasaran global bagi buah-buahan tempatan jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Thailand, Vietnam dan Filipina. Hal ini berlaku kerana negara kita masih ketinggalan dalam bidang pertanian berbanding dengan negara berkenaan.

Sumber: <http://buah.mardi.gov.my/>

Sebagai respons terhadap pernyataan di atas, hurlaikan pendekatan yang boleh diambil bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

2.

Cuti sekolah bukanlah tiket bagi seseorang murid untuk mengabaikan akademik dan menghabiskan masa sepenuhnya untuk berseronok. Oleh itu, murid boleh memanfaatkan masa cuti sekolah dengan menyertai pelbagai kem motivasi. Banyak agensi yang menganjurkan kem motivasi pada setiap kali cuti sekolah.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Berita.mediacorp, Nov 2021

Selain saranan yang dinyatakan di atas, hurlaikan cara-cara yang boleh dilakukan oleh seseorang murid untuk memanfaatkan cuti sekolah.

3.

Menabung merupakan salah satu amalan yang perlu dipupuk dalam diri setiap individu. Pada realitinya, amalan menabung dapat melatih kita untuk belajar berjimat cermat sama ada dalam perbelanjaan bagi barang keperluan mahupun barang kehendak.

Sumber :<https://lovesspn.com>

Huraikan manfaat yang dinyatakan dalam petikan berserta manfaat-manfaat lain yang diperoleh daripada amalan tersebut.

4.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), banyak persediaan yang perlu dilakukan oleh murid untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi. Persediaan tersebut termasuklah melakukan kajian untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan kursus yang diminati, menguasai kemahiran berbahasa asing serta persediaan dari segi mental dan fizikal.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada *sinarharian.com.my*

Bincangkan.

Kedah 2022

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Semangat patriotik perlu ditanam dalam diri setiap remaja sejak kecil lagi supaya mereka lebih menghargai warisan, kepelbagaiannya budaya dan sejarah negara. Semangat ini boleh disuburkan melalui kesedaran dan pendidikan. Oleh itu, semua pihak haruslah memainkan peranan untuk memastikan hasrat ini tercapai.

Dipetik dan diubah suai daripada

Berita Harian Online, 4 September 2018

Berdasarkan petikan di atas, terdapat langkah-langkah untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan remaja.

Huraikan.

- 2 Nilai-nilai murni seperti sikap jujur, amanah dan bertanggungjawab perlu ada dalam diri setiap individu. Nilai ini dapat memberi kesan positif dalam kehidupan seseorang.

Dipetik dan diubah suai daripada

BH Online, 18 April 2020

Sebagai respons kepada pernyataan di atas, huraikan kesan positif tersebut kepada diri anda.

- 3 Isu keselamatan di sekolah perlu diberikan perhatian yang serius agar keselamatan murid-murid terjamin. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pihak polis perlu bekerjasama untuk memastikan persekitaran sekolah lebih selamat.

Dipetik dan diubah suai daripada
psblpnsarawak.wordpress.com, 12 Mac 2018

Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan kerjasama tersebut.

- 4 TANGGAL 3 Mac pada setiap tahun merupakan sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia. Namun begitu, terdapat beberapa spesies hidupan liar seperti gajah, harimau dan beruang matahari kini di ambang kepupusan dan sukar ditemui di habitat semula jadi mereka. Masalah kepupusan hidupan liar berpunca daripada kegiatan pemburuan haram, pembalakan haram dan pencemaran alam.

Dipetik dan diubah suai daripada
Sinar Harian, 2 Mac 2021

Petikan di atas menyatakan hidupan liar di Malaysia semakin terancam.

Bincangkan.

Perak 2022

1.

Sambutan Hari Kebangsaan bukan sekadar mengimbau perjalanan sejarah kemerdekaan negara kembali tetapi Sambutan Hari Kebangsaan merupakan pengisian kemerdekaan ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan mempunyai jati diri . Masyarakat juga dapat menzahirkan rasa bangga menyambut hari penuh bermakna ini sekali gus menyemarakkan semangat cinta akan negara.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian, 30 Julai 2020

Berdasarkan petikan di atas, terdapat pelbagai kepentingan Sambutan Hari Kebangsaan kepada masyarakat. Bincangkan.

2.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man yang meninjau Sungai Kim Kim berkata pencemaran sungai itu berpunca daripada pelepasan air sisa daripada aktiviti premis dan pembuangan sisa berjadual. Katanya, untuk menjadikan sungai lebih terpelihara, kerajaan perlu menawarkan ganjaran berpatutan sekiranya masyarakat membuat aduan terhadap pihak yang membuang sisa di sungai selain meminda Akta Industri Perkhidmatan Air (2006) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974) untuk memperuntukkan hukuman lebih berat kepada pihak yang mencemarkan sungai.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Utusan Malaysia, 13 Mac 2021

Petikan di atas menyatakan sebahagian daripada punca pencemaran sungai.

Sebagai pengerusi Kelab Pencinta Alam, anda dikehendaki menyampaikan syarahan yang bertajuk “Punca-punca Pencemaran Sungai”.

Tuliskan syarahan anda selengkapnya.

3.

Sukan elektronik atau e-sukan telah menjadi antara kerjaya yang menjanjikan pendapatan lumayan. Platform media sosial popular iaitu Facebook (FB) menyediakan ruang untuk penstriman video dan kaedah ini membuka peluang kepada pemain untuk menjana pendapatan menerusi mekanisme kiriman bintang. Selain itu, kemahiran berkomunikasi dan sikap bekerjasama juga mampu dipupuk melalui sukan ini sekali gus menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia sangat menggalakkan pelajar terlibat dalam sukan elektronik ini.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Harian Metro, 15 September 2020

Berikan pendapat anda tentang kebaikan-kebaikan sukan elektronik atau e-sukan.

4.

Menurut Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim, kesedaran generasi kini terhadap kepentingan sejarah dapat disifatkan sekadar bermusim kerana kebiasaannya ramai pelajar akan mula mengambil kisah mengenainya hanya menjelang Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Menurut beliau, pembelajaran sejarah membolehkan pelajar lebih bersifat patriotik dan mengenali negara sendiri.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian, 3 Oktober 2018

Pada pendapat anda, selain kepentingan yang dinyatakan dalam petikan di atas, apakah kepentingan pelajar mempelajari sejarah?

Selangor 2022

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Data Bank Dunia menunjukkan sejumlah 70 daripada 336 spesies mamalia dikategorikan terancam di Malaysia. Antara binatang yang sedang diancam kepupusan tahap kritikal di Malaysia ialah harimau Malaya, badak Sumatera, tenggiling, penyu, orang utan, gajah Borneo, dan tapir. Fenomena ini menjadi satu cabaran yang paling getir berkaitan kelestarian pemuliharaan hidupan liar dan menjadi isu yang tidak berkesudahan kerana sikap sesetengah pihak yang tidak peduli, mementingkan keuntungan dan kelemahan penguatkuasaan undang-undang.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Sinar Harian, 28 Januari 2020

Sebagai respons petikan di atas, terdapat pelbagai punca yang menyebabkan kelestarian pemuliharaan hidupan liar di Malaysia masih gagal dilestarikan.

Bincangkan.

2

Ikutlah resmi padi, makin berisi makin tunduk. Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji riuh sekampung. Peribahasa berperanan membentuk tamadun masyarakat kerana mempunyai maksud yang tertentu dan dapat dijadikan sebagai pengajaran. Seterusnya peribahasa juga memberikan gambaran tentang sikap dan nilai anggota masyarakat agar mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Sumber: Internet

Peribahasa yang terdapat dalam petikan menggambarkan sikap merendah diri agar tidak angkuh dan takbur terhadap kehebatan diri.

Jelaskan kepentingan-kepentingan peribahasa dalam kehidupan bermasyarakat.

3

Kebanyakan penyakit berjangkit mempunyai simptom yang menyerupai keracunan makan dan demam selesema, tetapi sering kali diambil ringan oleh rakyat Malaysia sehingga menyebabkan komplikasi serta kematian. Berikutnya dengan penularan wabak penyakit seperti COVID-19, Influenza A dan H1N1, masyarakat dinasihatkan mengambil langkah berjaga-jaga.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil. 12/2021

Sebagai pegawai kesihatan, anda telah dijemput untuk menyampaikan ceramah di sebuah sekolah tentang punca-punca penyakit berjangkit dan langkah-langkah pencegahan untuk mengawal penularan penyakit berjangkit.

Tulis teks ceramah anda selengkapnya.

4

PUTRAJAYA: Majlis Pelancongan Malaysia (MPM) yakin sektor pelancongan negara akan pulih kembali dengan kemasukan pelancong apabila sempadan negara dibuka semula kelak. Presidennya, Uzaidi Udanis, berkata di sebalik cabaran pandemik COVID-19, sejarah menunjukkan bahawa pelancongan adalah antara industri yang paling berdaya tahan di dunia. "Sudah tentu, apabila sempadan negara dan negeri mula dibuka, kita dapat melihat industri mula aktif," katanya dalam satu kenyataan media mengenai *Malaysia Tourism Council Gold Award 2021 (MTC Gold Award)* yang diadakan semalam.

Sumber: *Berita Harian Online*, 10 Disember 2021

Industri pelancongan adalah merupakan antara sektor terpenting bagi perkembangan dan kemajuan bagi sesebuah negara kerana mendatangkan sumber pendapatan, namun pada masa yang sama boleh mempengaruhi budaya hidup masyarakat.

Beri komen anda.

Negeri Sembilan 2022

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Sesiapapun tidak menafikan budaya membaca antara kunci kecemerlangan dan mampu mengubah corak kehidupan seseorang. Apatah lagi melalui pembacaanlah pelbagai ilmu ditimba khususnya insan bergelar pelajar. Dalam mendepani cabaran kecanggihan teknologi, budaya membaca seharusnya terus disemai kepada pelbagai lapisan usia. Pengarah program Ilmu Tautan Kasih, Behoney Low Lee Tong berkata, sebanyak 2,927 buku kanak-kanak pelbagai bahasa telah disumbangkan oleh Perpustakaan Negara kepada perpustakaan awam dan beberapa buah sekolah.

Sumber : Harian Metro.com.my, 5 Ogos 2019

Sebagai respons terhadap kandungan petikan akhbar di atas, aktiviti membaca seharusnya menjadi amalan masyarakat kerana bangsa membaca bangsa yang berjaya.

Jelaskan kepentingan-kepentingan amalan membaca kepada masyarakat.

2

Pendidikan TVET merupakan laluan yang penting bagi negara seperti Malaysia untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovasi, dan mampu menghadapi saingan pada peringkat global dan serantau serta sentiasa relevan dengan keperluan semasa. Sebagai remaja, peluang mengikuti pengajian yang berkaitan dengan TVET mampu membentuk kemahiran tertentu yang bersesuaian dengan keperluan semasa dalam pasaran pekerjaan.

Sumber: Dewan Siswa 06/2015

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Bincangkan kebaikan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada para pelajar dan negara.

Kerajaan bukan sahaja secara serius menggalakkan golongan muda terlibat dalam sektor pertanian tetapi turut mengajak graduan bersama-sama dalam usaha meremajakan industri penting negara ini. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, inisiatif dan galakan kerajaan itu juga sebenarnya adalah sebahagian usaha bagi mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan mahasiswa. Sehubungan dengan itu, menurutnya bagi merealisasikan hasrat itu kerajaan memperkenalkan Program Agropreneur Muda bermula tahun 2016 di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Dipetik dan diubah suai daripada
'MOA Galak Graduan Ceburi Sektor Pertanian',
BERNAMA, 15 Jun 2020

Petikan akhbar di atas menerangkan bahawa bidang pertanian mampu mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan mahasiswa. Namun begitu, bidang pertanian kurang diminati oleh golongan belia kini.

Sarankan usaha-usaha yang harus dilakukan untuk menarik minat golongan muda dalam mencebur ke dalam pertanian ini.

Menjimatkan wang semasa zaman remaja memang sukar, terutamanya apabila anda mempunyai rakan yang gemar membeli pakaian baharu dan melakukan pelbagai aktiviti yang memerlukan perbelanjaan pada hujung minggu. Begitu pun, tidak mustahil untuk remaja mengisi tabung peribadi. Oleh itu, remaja perlu bijak merancang dan mengetahui cara terbaik untuk berbelanja secara berhemat dan tidak mustahil anda mampu merancang perbelanjaan serta kewangan pada usia muda. Walau bagaimanapun, remaja perlu sentiasa mendapatkan nasihat daripada ibu bapa dalam merancang perbelanjaan.

Sumber : Dewan Siswa, September 2008

Petikan majalah di atas menyatakan bahawa remaja perlu berhemat dalam berbelanja bagi mengisi tabung peribadi. Sebagai respons terhadap kandungan petikan di atas, golongan remaja perlu memainkan peranan yang penting dalam merancang perbelanjaan dan kewangan pada usia yang muda.

Sebagai remaja, jelaskan langkah-langkah yang perlu anda ambil dalam melaksanakan perbelanjaan berhemat.

Pahang 2022

1.

KUALA LUMPUR: Krisis global akibat penularan wabak COVID-19 bukan sahaja menyebabkan pembelajaran dan pengajaran secara konvensional tertangguh, bahkan menjadikan kehidupan guru dan murid semakin mencabar apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan kebiasaan baharu yang memerlukan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) dilaksanakan secara dalam talian. Dalam alaf baharu yang mengutamakan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, guru dan murid tiada pilihan selain memanfaatkan teknologi dan aplikasi pendidikan dalam talian.

Dipetik dan diubah suai daripada :
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020>

Petikan di atas jelas menunjukkan kepentingan penggunaan teknologi dan aplikasi pendidikan khusus untuk pembelajaran dalam talian.

Huraikan manfaat-manfaat pendidikan maya dan pembelajaran dalam talian.

2.

Global Wellness Institute mendefinisikan pelancongan kesejahteraan sebagai perjalanan yang berkaitan dengan usaha untuk mensejahterakan diri. Sambil kita menikmati keindahan tempat orang, kita dapat melakukan aktiviti yang berkaitan dengan kesehatan fizikal seperti melakukan sukan untuk kecergasan tubuh badan. Terdapat juga pelancong yang melancong untuk mencari perkhidmatan bagi mengurangkan tekanan yang dihadapi seperti yoga, meditasi, dan urutan. Kadangkala, ada juga pelancong yang suka akan persekitaran semula jadi dikelilingi kehidupan flora dan fauna seperti Taman Negara Kinabalu, Sabah. Selain itu, pelancongan arkeologi di Lenggong, Perak turut menjadi antara destinasi pilihan pelancong.

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada:
Buku Teks KSSM Tingkatan 5

Petikan di atas menyatakan beberapa faktor pelancong memilih sesuatu destinasi sebagai destinasi pelancongan.

Bincangkan.

3.

Terdapat rungutan bahawa segelintir generasi muda kurang memiliki perwatakan nasional yang dapat mempamerkan keperibadian mereka sebagai warganegara Malaysia, ketika berada di dalam maupun di luar negara. Perkara ini jelas menunjukkan remaja hari ini kurang menghayati prinsip Rukun Negara yang mula diperkenalkan pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) sebagai garis panduan ke arah kerharmonian dan perpaduan kaum demi kesejahteraan dan kestabilan negara Malaysia.

*Dipetik dan diubah suai daripada,
<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2016/02/123202>*

Sebagai respons terhadap petikan berita di atas, jelaskan ciri-ciri warganegara yang baik demi kesejahteraan dan keharmonian negara.

4.

Amalan menabung merupakan amalan yang mulia dan perlu diterapkan kepada anak-anak sejak dari kecil lagi. Hasil tabungan sedikit sebanyak dapat membantu meringankan bebanan ibu bapa kerana wang tersebut akan digunakan bagi keperluan pendidikan seperti membayar yuran sekolah, membeli buku teks, dan membeli peralatan sukan. Menabung kini boleh dilakukan secara fizikal atau melalui perbankan Internet bergantung kepada kemudahan dan kesesuaian individu.

Sumber:<https://www.mywilayah.com/2020/11>

Petikan di atas menyatakan bahawa amalan menabung merupakan amalan yang mulia dan perlu diterapkan kepada anak-anak sejak dari kecil lagi.

Huraikan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh semua pihak untuk memupuk amalan menabung dalam kalangan anak-anak.

WPKL 2022

Soalan 1

“Sepanjang tahun, pelancong ke negara ini dapat menyaksikan keunikan dan keindahan ekopelancongan seperti hutan hujan, gunung-ganang, pulau dan pantai. Pelancong juga berpeluang untuk melihat dan mengalami secara interaktif keunikan pelbagai seni, budaya dan warisan negara. Malaysia juga bakal menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2020, Kuala Lumpur Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC 2020) dan 100 acara membabitkan negeri di seluruh negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2020”

Sumber: Dipetik daripada ucapan
Datuk Mohammaddin Ketapi
Berita Harian Online. 6 Januari 2020

Berdasarkan kandungan ucapan di atas, aktiviti pelancongan dapat mempengaruhi masyarakat dan negara.

Bincangkan.

Soalan 2

Hubungan kejiranan yang mesra menghasilkan tahap kepercayaan sesama mereka yang lebih tinggi berbanding kejiranan yang kurang mesra. Hal ini jelas menunjukkan hubungan kejiranan adalah penting dalam membentuk perpaduan. Hubungan kejiranan yang baik ini boleh dizahirkan menerusi sumbangan penduduk melalui aktiviti yang dijalankan secara bersama-sama seperti aktiviti bergotong-royong dan sebagainya. Oleh itu, hubungan kejiranan yang baik adalah amat mustahak bagi membolehkan penghuninya menjalani kehidupan yang baik dan sempurna.

Sumber: Dipetik dan diubahsuai dari daripada Jurnal Hubungan Kejiranan

Petikan di atas menjelaskan semangat hidup berjiran perlu dititikberatkan dalam kehidupan seharian kerana jika dibiarkan akan menjadikan perpaduan negara.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mengeratkan hubungan kejiranan?

h

Soalan 3

Pengetahuan mengenai sejarah negara penting sebagai tunjang kepada pembentukan bangsa. Cerdik pandai sering berkaya bahawa sejarah ialah guru terbaik untuk mendidik manusia menjadikan sesuatu yang lalu sebagai teladan dan sempadan. Sejarah ialah kebijaksanaan silam yang boleh dimanfaatkan untuk membina masa hadapan. Oleh itu, mengenali sejarah negara memberikan impak besar, khususnya kepada generasi muda.

Sumber: Dipetik daripada

Berita Harian Online, 17 September 2015

Petikan di atas menyatakan bahawa pengetahuan sejarah amat penting dalam kehidupan seseorang.

Sempena Bulan Kemerdekaan peringkat sekolah, anda selaku pengurus Persatuan Sejarah telah diminta untuk menyampaikan ceramah dalam perhimpunan sekolah. Tajuk ceramah anda ialah “Faedah-faedah Mempelajari Sejarah”.

Soalan 4

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal penularan wabak COVID-19 menyaksikan peralihan trend pengguna yang mendorong perniagaan untuk meneroka strategi baharu untuk berinteraksi dengan pengguna dan memudahkan proses urus niaga. Menurut Pengarah Urusan Serantau Shopee, Lan Ho. Perkara itu bukan hanya menyebabkan penerapan e-dagang yang kuat dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan, malah mewujudkan segmen pasaran baharu untuk industri berkenaan.

Sumber : Dipetik daripada

Berita Harian Online, 17 Mei 2020

Petikan berita tersebut menerangkan pasaran e-dagang yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat kini.

Jelaskan kelebihan-kelebihan menggunakan sistem perdagangan elektronik kepada pengguna dan peniaga.

Sabah 2022

Pilih **satu** daripada soalan-soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

Domain Awam

Antara cabaran untuk menerapkan semangat cinta akan kebersihan dalam kalangan masyarakat ialah sikap masyarakat yang memandang enteng aspek kebersihan. Mereka tidak rasa bersalah membuang sampah dari kenderaan mereka. Malahan, tahap kesedaran masyarakat terhadap amalan 3R, iaitu ‘reduce’, ‘reuse’, dan ‘recycle’. Hal ini demikian kerana, masyarakat masih kurang pengetahuan tentangnya dan tidak menghargai nilai sisa pepejal terutama dalam situasi sekarang yang menyaksikan sumber asli semakin berkurangan.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Membentuk Minda Sikap Kelas Pertama Cintakan kebersihan’, www.bharian.com.my bertarikh 25 Februari 2015

Petikan akhbar di atas menyatakan tahap kesedaran masyarakat masih rendah terhadap amalan menjaga kebersihan dan 3R. Kesannya, banyak kawasan di negara kita masih kotor dan berharap kepada pekerja untuk membersihkannya. Malahan, sisa buangan bahan pepejal masih tinggi di negara kita. Hal ini tidak harus dibiarkan kerana memberikan impak negatif terhadap kebersihan dan kelestarian alam di negara kita. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana tentang perkara tersebut. Tajuk rencana tersebut ialah “Langkah-langkah Menggalakkan Amalan Kebersihan dan 3R dalam Kalangan Masyarakat”.

Tulis rencana anda selengkapnya.

Domain Peribadi

Pengurusan kewangan yang baik merupakan tanggungjawab seseorang individu untuk mengelakkannya mengalami kesukaran dalam hidup terutama semasa pandemik sekarang ini. Demikianlah kenyataan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Dalam Laporan Tahunan 2020, bank pusat itu berkata bahawa pengurusan kewangan yang baik boleh menjadikan kehidupan seseorang bebas dan tenang. Oleh itu, setiap individu perlu memiliki pengetahuan mengenai konsep kewangan asas. Hal ini dapat menjadikannya lebih sedar akan pentingnya pengurusan kewangan secara berhemat, membuat simpanan, dan membina dana kecemasan.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Pengurusan Berhemat Mampu Tangani Cabaran Luar Jangka: BNM’, www.sinarharian.com.my, 31 Mac 2021

Sebagai respons terhadap kandungan kenyataan di atas, setiap individu haruslah mengamalkan pengurusan kewangan peribadi dengan baik bagi mengelakkannya mengalami kesukaran dalam hidup.

Jelaskan cara-cara yang dapat anda lakukan untuk menguruskan kewangan anda dengan baik agar tidak menghadapi masalah kewangan kelak.

Domain Pendidikan

Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) memberikan cabaran kepada ibu bapa terutama bagi ibu bapa yang pergi bekerja.

Menurut Kaunselor Universiti Putra Malaysia (UPM), ibu bapa yang bekerja akan berasa tertekan kerana tidak dapat membantu anak mereka belajar di rumah. Hal ini demikian kerana, anak-anak terutamanya murid prasekolah atau murid sekolah rendah amat memerlukan bimbingan daripada ibu bapa. Namun demikian, inilah norma baharu yang perlu diharungi oleh setiap lapisan masyarakat bagi menyokong usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Cabaran Ibu Bapa Bekerja Hadapi PdPR’, oleh Nas Norzeila Nasbah, www.bharian.com.my/berita/pendidikan, 22 Jun 2021

Petikan di atas menyatakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara dalam talian terpaksa dilakukan berikutan wabak Covid-19 yang masih belum berkurang. Walaupun terdapat pelbagai cabaran untuk memastikan keberkesanan pengajaran ini, namun semua pihak harus bersikap positif untuk menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran ini.

Huraikan kebaikan-kebaikan yang diperoleh melalui Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) terhadap murid, ibu bapa, masyarakat, dan negara.

Domain Kerjaya

Kini, semakin banyak yang menjadi penghantar barang sebagai kerjaya mereka. Antaranya ialah Jamilah Zainal.

Menurut Jamilah, setiap pekerjaan mempunyai risiko. Namun, beliau sentiasa mengutamakan keselamatan diri. Beliau juga mengakui pada awalnya banyak pelanggan kurang yakin dengan kemampuannya, namun keadaan kini sudah berubah.

“Saya bersyukur dengan pekerjaan ini. Saya mempermudah urusan orang lain dengan menghantar barang ke pintu rumah mereka. Saya juga pernah ditipu apabila pelanggan tidak muncul di lokasi dijanjikan untuk mengambil barang. Namun, hal ini tidak melemahkan semangat saya.”

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Saya Hantar Macam-macam Barang’, oleh Junita Mat Rashid, www.bharian.com.my, 19 Mac 2019

Petikan di atas menjelaskan semakin banyak yang bekerja sebagai penghantar barang termasuklah kaum wanita. Keadaan ini berlaku kerana wabak Covid-19 telah membataskan pergerakan orang ramai dan mereka berasa selesa apabila sesuatu barang yang dipesan oleh mereka dihantar terus ke rumah.

Huraikan sebab-sebab semakin banyak golongan muda yang memilih pekerjaan ini sebagai kerjaya mereka.

MRSM 2022

- 1 Pemakanan seimbang merupakan tabiat memilih makanan yang merangkumi pelbagai jenis kumpulan makanan dalam jumlah yang bersesuaian. Remaja memerlukan tenaga dan nutrien yang mencukupi bagi menjalani kehidupan yang aktif. Pengambilan makanan yang sihat dan seimbang dapat memenuhi keperluan tenaga dan nutrisi seorang remaja. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir remaja yang kurang memberikan perhatian terhadap soal kesihatan dan pemakanan.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
'Pemakanan Sihat untuk Remaja'
Portal Myhealth, 2 Julai 2018

Sebagai respons terhadap petikan di atas, masyarakat terutamanya remaja perlulah menjaga pemakanan bagi mendapatkan kehidupan yang aktif.

Sebagai remaja, jelaskan kebaikan-kebaikan yang anda peroleh jika mengamalkan pemakanan yang seimbang.

- 2 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan murid menjalani Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh yang lama. Apabila murid kembali ke sekolah, persekitaran yang kondusif merupakan aspek penting untuk memberikan impak positif dalam pembelajaran dan mampu menyuntik semangat murid. Menurut Dekan Fakulti Pendidikan UKM, Profesor Datuk Dr. Norazah Mohd Nordin, guru berperanan sebagai perekam bentuk pelajaran untuk mewujudkan persekitaran mengikut kesesuaian muridnya.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
'Kelas Cantik Bangkit Semangat!'
Harian Metro, 13 September 2020

Pernyataan di atas menjelaskan bahawa persekitaran yang kondusif dapat memberikan impak yang positif dalam proses pembelajaran murid.

Ulaskan.

- 3** Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenal pasti 66 isu, cabaran dan ancaman baharu kepada keselamatan negara. Pemangku Ketua Pengarah MKN, Datuk Rodzi Md Saad berkata ancaman itu merangkumi keselamatan siber, kemasukan warga asing, penyeludupan dan lain-lain. Oleh itu, masyarakat memainkan peranan penting sebagai mata dan telinga kepada pihak berkuasa untuk memberikan maklumat tentang masalah ini. Masyarakat juga perlu mengamalkan sikap toleransi dan mencintai keamanan agar keharmonian dan keselamatan negara dapat dilestarikan.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
'MKN Kenal Pasti 66 Cabaran, Ancaman Baharu Terhadap Negara'
Berita Harian, 12 Julai 2021

Pernyataan di atas berkaitan dengan keselamatan negara. Anda dikehendaki menulis sebuah rencana bertajuk 'Peranan Masyarakat dalam Menjaga Keselamatan Negara'.

Tulis rencana itu selengkapnya.


- 4** Negara menghadapi cabaran besar dalam menyediakan kuantiti dan kualiti graduan yang bersesuaian dengan tuntutan pasaran kerja masa hadapan. Peluang kerjaya yang ditawarkan tidak sepadan dengan kelayakan akademik graduan. Oleh itu, graduan digesa untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran seperti penguasaan bahasa dan teknologi agar mereka lebih berkeyakinan untuk bersaing dalam dunia kerjaya.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
'Mendepani Landskap Pekerjaan Masa Hadapan'
Berita Harian, 24 Mac 2021

Setiap graduan menghadapi cabaran dalam memperoleh pekerjaan yang sesuai setelah tamat pengajian.

Selain cabaran yang dinyatakan dalam petikan, jelaskan cabaran-cabaran yang perlu ditempuhi oleh graduan yang bakal memasuki alam pekerjaan.

Pelan Lokasi



The Smarter & Effective Learning Approach

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius

No.2-1, Jalan 4/109E, Desa Business Centre, Taman Desa, 58100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-7983 7650

<http://www.edubest.com.my>